

# PUO, UMPH meterai nota persefahaman

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) 19/1/2016 m/s 25

**PUTRAJAYA 18 Jan.** - Politeknik Ungku Omar (PUO) Perak dan Universiti Malaysia Pahang Holdings (UMPH) Sdn. Bhd. hari ini memeterai nota persefahaman mengenai peluang penempatan latihan industri pelajarannya di syarikat tersebut.

Pengarah PUO, Datuk Md. Nor Yusof berkata, menerusi kerjasama tersebut, sebanyak 10 pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam PUO akan menjalani latihan industri di UMPH selama 40 minggu yang bermula pada 22 Februari ini.

“Nota persefahaman ini merupakan usaha bagi melahirkan pelajar yang mampu berdaya saing dan berupaya untuk menghadapi cabaran ketika menempuh alam pekerjaan kelak.

“Pelaksanaan kerjasama ini mengambil kira kepakaran dan kecakapan UMPH dalam bidang industri dan pembinaan dengan mereka memberikan khidmat nasihat dalam menggubal serta menyemak kokurikulum kejuruteraan di PUO,” katanya kepada pemberita selepas majlis Pertukaran Nota Persefahaman Antara PUO dan UMPH, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Md. Nor mewa-

kili PUO manakala UMPH diwakili Pengarah Urusannya, Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman.

Yang hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Datuk Seri Mohd. Hilmiey Mohd. Taib dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar.

Terdahulu, Mohd. Hilmiey dalam ucapannya berkata, pihaknya amat menghargai kerjasama diberikan PUO bagi menempatkan pelajarannya di UMPH yang dilihat dapat membantu meningkatkan pengeluaran tenaga kerja dalam bidang teknikal dan vokasional (TVET) menjelang tahun 2020.

Katanya, UMPH akan berkongsi pengalaman serta kepakaran dalam bidang kejuruteraan di bawah bimbingan pekerjaannya sepanjang pelajar PUO menjalani latihan industri.

“Usaha seumpama ini bertepatan dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020 dengan melahirkan lebih ramai tenaga kerja dalam sektor teknikal dan vokasional,” katanya.